

01 SEP 2003

Mahathir-TNB

DR MAHATHIR ARAH TNB CARI PUNCA PUTUS BEKALAN ELEKTRIK

LANGKAWI, 1 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengkaji punca bekalan elektrik terputus selama beberapa jam di lima negeri hari ini.

Perdana Menteri berkata punca itu perlu dikenal pasti bagi memastikan perkara itu tidak berulang lagi pada masa depan.

"Kita kena tahu kenapa ia berlaku, mengkaji sebab berlaku kejadian itu supaya dapat mengelak dari berlaku lagi," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini, sebelum pulang ke Kuala Lumpur setelah melakukan lawatan peribadi dua hari ke Pulau Langkawi.

Dr Mahathir berkata Ketua Pegawai Eksekutif/Presiden TNB Datuk Pian Sukro telah menghubungi beliau bagi menerangkan kejadian itu tetapi syarikat itu belum dapat mengenal pasti puncanya.

Kepada satu soalan, beliau berkata, walaupun bekalan elektrik dapat disambung semula dengan cepat iaitu dalam masa beberapa jam, TNB sepatutnya mencari jalan memastikan ia tidak berlaku lagi.

Gangguan itu melibatkan Pulau Pinang, Perlis, Perak, Kedah termasuk Langkawi, dan Kelantan, bermula 10 pagi tadi tetapi bekalan dapat dipulihkan sepenuhnya menjelang 2 petang.

"Bagus mereka dapat memulihkan bekalan dengan cepat tapi jalan harus dicari untuk mengelak dari berlaku lagi," kata Dr Mahathir.

Secara berseloroh Perdana Menteri berkata: "Nampaknya, kita tak bebas dari black out (putus bekalan elektrik), baru ini ada black out di New York (dan) London, sekarang giliran kita pula. Nampak kita punya pengetahuan mengenai elektrik tidak mencukupi."

Dr Mahathir tiba di Pulau Langkawi petang semalam dan, pagi ini meninjau beberapa projek pembangunan, antaranya pembinaan dua blok baru bangunan Galeria Perdana di Jalan Ayer Hangat.

Projek itu yang bermula Februari lepas dan dijangka siap hujung tahun ini, melibatkan kos RM24 juta. Ia menempatkan surau, kedai menjual cenderahati, kafeteria, kemudahan makmal dan auditorium yang mempunyai 150 tempat duduk.

Dr Mahathir juga meninjau projek ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Kilim serta melawat tapak "beras terbakar", yang menjadi tumpuan pelancong.

-- BERNAMA

MZM MAI